



KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
KENYATAAN SEBUT HARGA

Sebut Harga adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang berdaftar dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (**CIDB**) dan mempunyai Perakuan Pendaftaran Kontraktor (**PPK**), Sijil Taraf Bumiputra (**STB**) serta Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (**SPKK**) /Pusat Pendaftaran Kontraktor Kerja, Bekalan dan Perkhidmatan Negeri Sabah (**PUKONSA**) / Unit Pendaftaran Kontraktor dan Juruperunding Sarawak (**UPKJ**) dalam gred/kelas, kategori/tajuk/kepala, pengkhususan/tajuk kecil/subkepala yang berkaitan dan yang masih dibenarkan membuat tawaran buat masa ini bagi kerja berikut:-

Pejabat Yang Memanggil Sebut Harga	Tajuk Sebut Harga	Taraf / Jenis Sykt	Kelayakan	Tempat & Tarikh Dokumen Diperolehi	Tempat, Tarikh & Waktu Sebut Harga Ditutup
Bahagian Pelaksanaan dan Perkhidmatan Kejuruteraan, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan	Kerja-Kerja Penyiasatan Tanah Dan Ujian Makmal Bagi Projek Perumahan Inklusif Madani (PIM) Uda Utama, Johor NO.SEBUTHARGA KPKT/BPJ/UB/SH/ 23/2026	T1 (Bumiputera)	CIDB Gred: G1 Kategori: CE Pengkhususan: CE12 Serta Sijil Pematuhan Cukai (TCC) (Syarikat berdaftar di Pejabat Daerah Johor Bharu SAHAJA)	Dokumen Sebut Harga boleh dimuat turun mulai daripada 15 Julai 2026 (Rabu) hingga 22 Julai 2026 (Rabu)	Penghantaran Dokumen Sebut Harga secara serahan TANGAN ATAU POS BERDAFTAR ATAU POS LAJU hendaklah dimasukkan ke dalam peti sebut harga: Tempat: Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Bahagian Pelaksanaan Dan Perkhidmatan Kejuruteraan, Unit Kontrak dan Ukur Bahan, Aras 7, No.51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya 22 Julai 2026 (Rabu) 12.00 Tengah Hari

Lawatan Tapak adalah **TIDAK DIWAJIBKAN** namun dibawah tanggungjawab penyebutharga. Namun penyebutharga boleh membuat lawatan tapak ke tapak cadangan seperti alamat dan koordinat di bawah dan sebarang persoalan mengenai tapak boleh menghubungi Unit Kejuruteraan Awam Dan Struktur (UKAS) Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Ir. Hafizan Bin Mohd Salleh (03-88913608) dan En. Ab Kadir Bin Yusoh (03-88913611) sebelum 22 Julai 2026 (Rabu).

Tapak Projek:
Di Projek Perumahan Inklusif Madani Uda Utama, Johor
(Koordinat : 1°49'44.04"N 103°66'16.93"E)

* Jenis Syarikat Tempatan : T1 – Syarikat 100% Milik Tempatan

Sr. WAN MOHD. NAZEER BIN WAN RAMLI
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit Kontrak dan Ukur Bahan
Sektor Bangunan dan Perancangan Projek
Bahagian Pelaksanaan & Perkhidmatan Kejuruteraan
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

PROJEK : KERJA-KERJA PENYIASATAN TANAH DAN UJIAN MAKMAL BAGI PROJEK PERUMAHAN INKLUSIF MADANI UDA UTAMA, JOHOR

NO.SEBUT HARGA : KPKT/BPJ/UB/SH/23/2026

Nota Penting :

1. Pautan untuk memuat turun Dokumen Sebut Harga akan dapat diakses di laman sesawang KPKT 15 Julai 2026 (Rabu) sehingga 22 Julai 2026 (Rabu).
2. Penyebut Harga adalah diarahkan untuk menghantar Dokumen Sebut Harga SECARA TANGAN ATAU POS BERDAFTAR ATAU POS LAJU. Dokumen Sebut Harga hendaklah diterima tidak lewat dari atau pada pukul 12.00 tengahari pada tarikh tutup Sebut Harga dan adalah menjadi TANGGUNGJAWAB penyebut harga untuk memastikan dokumen sebut harga diterima di alamat yang telah dinyatakan dalam tempoh yang telah ditetapkan.
3. Dokumen Sebut Harga yang lengkap hendaklah dikemukakan dalam bentuk salinan bercetak (hardcopy) dan telah lengkap diisi.
4. Setiap Penyebut Harga hanya dibenarkan mengemukakan satu (1) dokumen tawaran sahaja. Sekiranya di dapati terdapat Penyebut Harga yang mengemukakan melebihi dari satu (1) tawaran, kesemua tawaran tersebut akan ditolak dan tidak akan disenaraikan di dalam Jadual Sebut Harga.
5. Penyebut Harga yang berhasrat untuk menyertai Sebut Harga ini hendaklah memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan. Sekiranya tidak, dokumen tawaran Penyebut Harga akan ditolak.
6. Penyebut Harga juga hendaklah sentiasa peka terhadap sebarang makluman perubahan/tambahan dokumen Sebut Harga sepanjang tempoh perolehan/ sehingga tarikh tutup Sebut Harga di laman sesawang KPKT.
7. Dokumen Sebut Harga yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri yang dicatatkan dengan nombor bilangan Sebut Harga serta tajuk Sebut Harga dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga pada masa dan tempat yang ditetapkan dalam Pemberitahuan/Kenyataan Sebut Harga.
8. Jika Dokumen Sebut Harga tidak diserahkan dengan tangan, Penyebut Harga hendaklah menghantar Dokumen Sebut Harga tersebut dengan pos supaya tiba pada atau sebelum masa dan di tempat yang ditetapkan seperti berikut:

Ketua Penolong Pengarah Kanan

Unit Kontrak Dan Ukur Bahan

Unit Kontrak dan Ukur Bahan, Aras 7,
Bahagian Pelaksanaan Dan Perkhidmatan Kejuruteraan,
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan,
No.51, Persiaran Perdana, Presint 4, 62100 Putrajaya,
Wilayah Persekutuan Putrajaya


Sr. WAN MOHD. NAZEER BIN WAN RAMLI
Ketua Penolong Pengarah Kanan
Unit Kontrak dan Ukur Bahan
Sektor Bangunan dan Perancangan Projek
Bahagian Pelaksanaan & Perkhidmatan Kejuruteraan
Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan